



SIARAN MEDIA

11 Januari 2017

Koala Hill membekalkan udara diperkaya oksigen Australia ke China

Sejak pelancaran kedai online pada minggu yang lalu, Koala Hill telah bekerja lebih masa untuk memenuhi pesanan dari China untuk produk pernafasan Udara Tulen Australia dalam bentuk botol.

Syarikat yang berpangkalan di Australia Selatan ini telah membawa mengeksport udara pernafasan bersih ke tahap yang baru dengan menawarkan produk yang inovatif dengan Udara Diperkaya Oksigen.

Usahawan sosial Australia dan pengasas Koala Hill yang berusia 29 tahun, Kyle Williams (韦可乐) telah mula berminat dengan China pada usia yang muda apabila beliau mula belajar Mandarin.

"Saya mempunyai pertalian dengan orang China dan kebudayaan mereka, dan hubungan ini telah mendorong saya untuk ingin berkongsi salah satu bahagian yang terbaik dari Australia dengan mereka.

"Udara bersih adalah satu bahagian yang penting untuk kekal sihat, dan matlamat kami adalah untuk memberikan bantuan kepada penduduk yang tinggal di kawasan yang mempunyai kualiti udara yang kurang baik. Malah, pelanggan sudah pun melaporkan bahawa produk kami telah memanfaatkan mereka dan mereka sangat berminat dengan produk kami.

"Saya amat berbesar hati dengan sokongan yang telah diterima terhadap produk kami pada minggu pertama, dan kini kami cuba yang terbaik untuk memenuhi permintaan," kata Encik Williams.

Pelbagai produk Koala Hill yang dilengkapi dengan alat pernafasan adalah sesuai untuk digunakan oleh semua peringkat umur dan menyampaikan jumlah udara tulen yang dikawal dengan satu tekan butang secara mudah.

Setiap produk kami telah diuji dari segi kualiti dan mempunyai meterai keemasan Koala Hill yang telun. Pembungkusan premium produk kami yang lengkap merupakan hadiah yang sesuai untuk rakan-rakan dan keluarga.



www.koala-hill.com.au

MEDIA ENQUIRIES TO

Rhys Williams (韦瑞思)

+61 400 304 751

media@koala-hill.com.au





Pelbagai produk Koala Hill yang merangkumi Udara Pernafasan Setiap Hari, Udara Pernafasan Kesihatan dan Udara Pernafasan Sukan, dengan kedua-dua produk diperkaya secara semulajadi kepada tahap oksigen pada 38 peratus.

"Udara biasa mempunyai 21 peratus oksigen, namun bandar-bandar dengan udara yang tidak berkualiti mempunyai serendah 14-17 peratus. Udara Diperkaya Oksigen kami mengandungi 38 peratus oksigen dan ia benar-benar selamat.

"Dengan semua udara kami diperakui oleh Piawaian Australia dan diproses di kemudahan moden dalam hutan eucalypt asli di Australia Selatan, kami adalah Ferrari udara segar."

Produk Koala Hill kini boleh dibeli melalui kedai dalam talian mereka di www.koala-hill.com.au dan kedai WeChat rasmi mereka di @KOALAHILL 考拉山.

Images and videos are available for download at www.koala-hill.com.au/media



www.koala-hill.com.au

MEDIA ENQUIRIES TO

Rhys Williams (韦瑞思)

+61 400 304 751

media@koala-hill.com.au

